

# Pengundi boleh tukar tempat undi dalam talian

## **Winnie Kasmir**

**SANDAKAN:** Pengundi yang ingin mengubah tempat undi boleh melakukannya secara dalam talian melalui laman sesawang yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Memberi saranan itu, Adun Elopura, Calvin Chong berkata, dengan laman itu, proses pertukaran tempat mengundi boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa perlu hadir secara fizikal ke pejabat SPR.

Laman tersebut sesuai bagi individu yang sibuk bekerja atau yang tinggal jauh dari pejabat SPR, katanya.

“Dengan adanya sistem dalam talian, maklumat pemilih boleh dikemaskini secara manual dalam pangkalan data SPR, sekali gus mempercepatkan proses pendaftaran.

“Tambahan pula, ini juga akan memberi pengundi luar bandar atau mereka yang tinggal jauh dari kawasan asal mereka untuk mendaftar di lokasi baharu, selain dapat memudahkan proses untuk mereka yang berpindah tempat tinggal, mengelakkan kos pengangkutan dan dokumen tambahan.

“Pengguna juga boleh melihat cara-cara menukar tempat undi tersebut di aplikasi YouTube dengan carian ‘cara tukar tempat undi dalam talian SPR,’” katanya dalam kenyataan, Sabtu.

Beliau berharap dengan adanya lama sesawang ini, ia dapat memastikan lebih ramai rakyat layak mengundi di tempat yang lebih dekat dengan mereka, sekali gus meningkatkan kadar penyertaan dalam pilihan raya.

29/12/2024